

eVOT: Sistem Pengurusan VOT Kewangan di Politeknik Mersing

Siti Rohani binti Sukaimi*¹, Mas Ayu binti Mohd Ariff², Irma binti Maaman³

¹Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Mersing

e-mail: *¹sitirohani@tvet.pmj.edu.my, ²masayu@tvet.pmj.edu.my, ³irma@kkpg.edu.my

Abstrak

Umum mengetahui, kod vot merupakan salah satu kod perakaunan yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan pengurusan dalam penyediaan laporan kewangan untuk sesebuah institusi. Pengurusan vot secara manual dan tidak bersistematik membuatkan perbelanjaan vot yang telah diperuntukkan ke setiap bahagian atau unit tidak dapat diuruskan dengan baik. Masalah lain yang timbul adalah apabila terdapat unit menggunakan peruntukan unit lain dan sukar dipantau oleh pihak pengurusan. Maka objektif utama eVOT diwujudkan adalah bertujuan untuk memantau dan mengawal pengurusan perbelanjaan vot yang telah diperuntukkan kepada Politeknik Mersing (PMJ). Penggunaan eVOT juga membolehkan pihak pengurusan politeknik memantau peratusan aktiviti perbelanjaan setiap unit dari semasa ke semasa. Selain itu, eVOT juga memudahkan pihak yang bertanggungjawab untuk membuat anggaran permohonan peruntukkan kewangan pada tahun berikutnya dengan lebih cepat dan tepat. Metodologi yang digunakan untuk membangunkan sistem eVOT ini adalah metodologi prototaip kerana metodologi ini lebih jelas dan dapat mengurangkan risiko semasa membangunkan sistem. Bagi memudahkan lagi sistem pengurusan dan pemantauan eVOT ini, adalah dicadangkan supaya kaedah pemantauan ini dinaiktaraf kepada web aplikasi bagi memudahkan capaian pegawai yang terlibat. Penerimaan yang baik terhadap eVOT ini menunjukkan bahawa kaedah pemantauan yang bersistematik dan berpusat memudahkan dah diterima pakai oleh pegawai yang diamanahkan untuk membelanjakan vot ini.

Kata kunci—vot; evot; pengurusan perbelanjaan; pengurusan vot kewangan

Abstract

It is well known that the voting code is one of the accounting codes created to meet the needs of management in the preparation of financial reports for an institution. Manual and unsystematic vote management makes the vote expenditure that has been allocated to each section or unit unable to be properly managed. Another problem that arises is when there are units using the allocation of other units and it is difficult for the management to monitor. Therefore, the main objective of eVOT is to monitor and control the management of voting expenses that have been allocated to Polytechnic Mersing (PMJ). The use of eVOT also allows the polytechnic management to monitor the percentage of expenditure activities of each unit from time to time. In addition, eVOT also makes it easier for those responsible to estimate the application for financial allocation in the following year more quickly and accurately. The methodology used to develop the eVOT system is a prototype methodology because this methodology is clearer and can reduce the risk when developing the system. In order to further simplify the management and monitoring system of this eVOT, it is suggested that this monitoring method be upgraded to a web application to facilitate the access of the officers involved. The good reception of this eVOT shows that a systematic and centralized monitoring method has been adopted by the officials entrusted to spend this vote.

Keywords—vote; evot; expense management; financial vote management

PENDAHULUAN

Vot merupakan wang yang telah diperuntukkan kepada setiap institusi termasuklah Politeknik Mersing. Vot ini akan diagihkan kepada setiap unit atau bahagian yang memerlukan perbelanjaan mengikut keperluan setiap unit atau bahagian. Setiap perbelanjaan yang telah digunakan akan direkodkan secara manual di unit kewangan yang bertempat di unit pentadbiran PMJ. Kaedah merekod kewangan adalah secara berpusat tanpa mengikut pembahagian di unit. Ini menyukarkan pemantauan dari pihak pengurusan tertinggi, unit kewangan serta unit-unit yang terlibat. Oleh itu, inovasi yang dibangunkan ini adalah berbentuk Google Drive Spreadsheet di mana platform ini boleh dicapai oleh pengurusan tertinggi, unit kewangan serta ketua-ketua unit.

PERNYATAAN MASALAH

Terdapat beberapa masalah dikenalpasti oleh pihak pengurusan kewangan apabila vot dikendalikan dan direkodkan secara manual. Antaranya masalah yang timbul adalah perbelanjaan yang telah diperuntukkan kepada setiap jabatan atau unit tidak dapat di kawalselia sepenuhnya oleh pihak pengurusan. Ini menyebabkan terdapat jabatan atau unit yang menggunakan peruntukan unit lain tanpa diketahui oleh pihak tersebut dan perkara ini dapat menimbulkan masalah. Kaedah manual ini juga menyukarkan capaian bagi pihak pengurusan dan unit yang terlibat untuk mengawal dan memantau perbelanjaan vot tersebut.

Pihak pengurusan juga sukar untuk memantau aktiviti yang sudah atau yang belum dijalankan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu juga, pihak pengurusan menghadapi masalah untuk mengumpulkan data semasa menghadapi audit seperti *Polyrate*, *Key Performance Indicator (KPI)* dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Justeru itu, satu sistem atau kaedah pengurusan kewangan yang lebih efisien perlu diwujudkan untuk mengatasi masalah-masalah ini bagi memudahkan banyak pihak dari segi pemantauan vot yang telah diagihkan kepada setiap jabatan atau unit tertentu. Bagi memudahkan capaian dan pengawalseliaan semua pihak yang terlibat, eVOT dibangunkan untuk mengatasi pelbagai masalah yang timbul sebelum ini. Kaedah ini merupakan satu penambahbaikan kepada cara yang sedia ada.

METODE PENELITIAN

Antara objektif eVOT diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal selia pengurusan perbelanjaan vot yang telah diperuntukkan kepada Politeknik Mersing. Objektif seterusnya adalah untuk mengetahui peratus penggunaan peruntukkan tersebut. Selain itu, ia juga memudahkan pengumpulan data untuk tujuan audit seperti *Polyrate*, *Key Performance Indicator (KPI)* dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Inovasi ini juga boleh memudahkan jabatan dan unit untuk membuat anggaran peruntukkan kewangan yang akan dipohon untuk tahun yang berikutnya.

CIRI-CIRI INOVASI/ KAJIAN

Inovasi yang dibangunkan adalah berbentuk Google Drive Spreadsheet di mana platform ini boleh dicapai oleh pengurusan tertinggi, unit kewangan dan ketua-ketua unit. Jumlah peruntukkan yang diberikan untuk setiap jabatan dan unit telah dinyatakan pada ruangan 'MASTER' mengikut nombor agihan vot. Nombor agihan vot yang biasa terlibat adalah 24000, 25000, 26000, 27000, 28000, 29000, 35000 dan 42000. Selain itu, waran khas, koperasi dan Pensyarah Pelawat Industri (PPI) juga terlibat dalam peruntukan tersebut. Di dalam platform eVOT ini juga terdapat ruangan yang perlu diisi oleh setiap jabatan dan unit mengikut vot yang ingin dibelanjakan. Segala aktiviti, nombor waran, jumlah perbelanjaan, nombor *Local Order (LO)* dan juga catatan perlu dinyatakan dengan tepat dan jelas.

Jabatan yang terlibat di PMJ ini adalah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Perdagangan (JP), Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am (JPA). Unit yang terlibat pula adalah Unit Kualiti, Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI), Unit 1 Lecturer 5 Graduates (1L5G), Unit Keusahawanan, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI), Unit Perhubungan Awam (PRO), Unit Peperiksaan, Unit e-Learning, Unit Instruksional dan Multimedia (UIDM), Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP), Unit Kaunseling dan Kerjaya (UKK), Unit Kebudayaan, Unit Pengantarabangsaan, Unit Sukarelawan, Unit Sukan dan Kokurikulum (USK), Unit Pembangunan dan Senggaraan (UPS), Unit Kamsis dan Unit Pentadbiran. Selain daripada itu, terdapat satu ruangan yang dinamakan '*REPORT*' untuk melihat jumlah perbelanjaan yang telah digunakan. Peratus perbelanjaan juga boleh dilihat melalui paparan '*PERCENTAGE OF EXPENDITURE*' dalam bentuk graf.

HASIL DAN PEMBAHASAN

CARA OPERASI

Secara amnya, eVOT dapat dikawalselia oleh pihak pengurusan tertinggi PMJ iaitu Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik (TPA) dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA) dan unit kewangan secara khususnya. Sistem eVOT ini mudah digunakan oleh pihak yang terlibat kerana mereka hanya mengisi nilai peruntukan di ruangan yang disediakan. Proses ini bermula dari unit kewangan menyatakan nilai peruntukan yang telah ditetapkan bagi setiap jabatan dan unit mengikut nombor agihan vot. Setelah itu, ketua setiap jabatan dan unit akan mengisi jumlah peruntukan yang telah dan akan digunakan mengikut nombor agihan vot masing-masing. Secara automatik, nilai tersebut direkodkan di dalam ruangan '*REPORT*' dan '*PERCENTAGE OF EXPENDITURE*' yang mana dapat dipantau oleh pihak pengurusan tertinggi dan juga unit kewangan. Rekod tersebut boleh dilihat secara nilai dalam Ringgit Malaysia atau dalam bentuk peratus perbelanjaan. Selain itu, pembangun sistem eVOT ini secara tidak langsung dapat memantau secara keseluruhan pelaksanaan sistem eVOT.

GAMBARAN INOVASI

Paparan sistem eVOT yang telah dibangunkan dapat dilihat melalui gambarajah yang berikut:

PERUNTUKAN MENGIKUT JABATAN DAN UNIT												
2022												
No.	JABATAN / UNIT	VOT AGIHAN										
		34000	25000	26000	27000	28000	29000	30000	31000	32000	33000	
		JUMLAH AGIHAN SETIAHLAIN										
		129900	8000	110000	80000	1913000	30000	4000	142000	40000	26000	
1	JTMK			8000	2500				5000		50000	
2	JKE			12000	2500	5000			5000		1500	
3	JP								3500		4300	
4	JMSK								1000			
5	JPA								1000			
6	BHP	122000	5000	5000	10000	421400	620015					
7	UPS			21000		4000702						

Rajah 1: Paparan Antaramuka '*MASTER*'

Rajah 1 merupakan paparan antaramuka untuk 'MASTER' di mana unit kewangan berperanan untuk memasukkan nilai dan jumlah peruntukan yang akan diagihkan kepada setiap jabatan dan unit mengikut nombor vot agihan.

VOT 2022										
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI										
BIL	AKTIVITI	VOT								
		24 000	25 000	26 000	27 000	28 000	29 000	35 000	42 000	P48
				6000	2500				5500	
1	Pembelian bahan luk			6000						
2	Pembelian alat ganti				2500					
3	PPI - Bengkel Interactive Multimedia Using Adobe Animate									
4	PPI - WEBINAR KEUSAHAWANAN " MENGAPA SAYA MEMILIH KERJAYA USAHAWAN"								300	
5	Perkhidmatan penyediaan makan dan minum bagi program CSR di Maahad Tahfiz								300	
6	Perkhidmatan Pengurusan Aktiviti PIEK								2200	
7	Perkhidmatan makan dan tempat tinggal bagi pengurusan Pertandingan World Skills Malaysia Belia (WSMB)								825	
8	SPEX								506	
9	Capture the flag - "The Beginning of a Battle"								630	
10	Majlis Anugerah Ketua Jabatan Sesi I 2021/2022								600	


Rajah 2: Paparan Antaramuka untuk Jabatan Akademik dan Unit-unit

Rajah 2 pula merupakan paparan yang akan terpapar untuk setiap ketua jabatan akademik dan unit-unit yang terlibat seperti yang telah dinyatakan dalam perkara 4. Segala aktiviti perlu dinyatakan berserta dengan jumlah wang yang digunakan mengikut nombor vot. Nombor waran, nombor LO dan catatan perlu juga dinyatakan bagi memudahkan rujukan pada masa akan datang. Terdapat rumusan perbelanjaan di bahagian bawah setiap paparan ini di mana jumlah perbelanjaan dan baki peruntukan dapat dilihat melaluinya.

LAPORAN PERBELANJAAN MENGIKUT JABATAN DAN UNIT											
2022											
BIL	JABATAN / UNIT	VOT									
		24000	25000	26000	27000	28000	29000	35000	42000	P48	P63
		JUMLAH AGIHAN SETAHUN									
		129900	5600	68500	86500	1013800	38457.15	4500	142525	43000	0
1	JTMK	0	0	6000	2500	0	0	0	5381	0	0
2	JKE	0	0	12000	2500	3800	0	0	5000	0	0
3	JP	0	0	0	0	0	0	0	3500	0	0
4	JMSK	0	0	0	0	0	0	0	1000	0	0
5	JPA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
6	BKP	21154	5600	0	1072.5	192240	3884.4	0	0	0	0
7	UPS	0	0	20999	0	408553.35	0.00	0	0	0	0

Rajah 3: Paparan Antaramuka 'REPORT'

Manakala Rajah 3 merupakan antaramuka untuk memaparkan laporan yang dinamakan 'REPORT'. Melalui paparan ini, pihak pengurusan tertinggi dan juga unit kewangan PMJ dapat memantau wang peruntukan yang telah dibelanjakan bagi setiap jabatan dan unit. Selain daripada itu, mereka juga boleh melihat dari segi peratus perbelanjaan dan baki selepas digunakan.



Rajah 4: Paparan Antaramuka 'REPORT'

Manakala Rajah 4 merupakan antaramuka untuk memaparkan peratus perbelanjaan yang dinamakan 'PERCENTAGE OF EXPENDITURE'. Melalui paparan ini, pihak pengurusan tertinggi dan juga unit kewangan PMJ dapat melihat pertus perbelanjaan yang telah digunakan dalam bentuk graf.

HASIL DAPATAN KAJIAN


Bagi melihat impak sistem ini, satu soal selidik ringkas telah dibangunkan dan responden merupakan ahli pengurusan Politeknik Mersing. Skala pengukuran yang digunakan untuk mentadbir soal selidik adalah dengan menggunakan skala Likert yang diberi mata dari 1 hingga 5. Berikut adalah skala pemarkahan Likert lima mata yang mengandungi lima aras iaitu:

Jadual 1: Skala Likert Lima Aras

Pernyataan	Skala
Sangat tidak memuaskan	1
Tidak memuaskan	2
Tidak Pasti	3
Memuaskan	4
Sangat sangat memuaskan	5

Soal selidik ini mengandungi enam (6) soalan dengan skala 1-5 di mana skala 1 memberi maksud sangat tidak memuaskan dan skala 5 adalah sangat memuaskan. Berikut merupakan respon yang telah diberikan oleh responden terhadap sistem ini.


Sistem pengurusan eVOT mudah digunakan



Rajah 5: Carta peratus bagi soalan 1

Pada asasnya, sistem ini menggunakan Google Drive Spreadsheet sebagai platform. Antaramuka yang mudah untuk difahami oleh pengguna kerana kebanyakan responden yang telah biasa dengan persekitaran hamparan elektronik (*Spreadsheet*). Ini dapat dilihat berdasarkan Rajah 5 yang menunjukkan 80% daripada responden menyatakan bahawa sistem pengurusan eVot yang dibangunkan adalah mudah digunakan.


Sistem pengurusan eVOT membantu memudahkan proses pemantauan perbelanjaan institusi



Rajah 6: Carta peratus bagi soalan 2

Melalui sistem ini, responden terutamanya ahli tertinggi pengurusan lebih mudah untuk memantau perbelanjaan institusi kerana sistem ini lebih bersifat menyeluruh di mana kesemua perbelanjaan akan terpapar didalam satu buku lembaran. Manakala ketua-ketua jabatan dan unit boleh memantau perbelanjaan jabatan dan unit masing-masing. Ini dapat dilihat daripada maklumbalas responden yang telah menggunakan sistem ini yang dapat dilihat pada Rajah 6 di mana 67% memberikan maklumbalas yang positif terhadap penggunaan sistem ini.


Sistem pengurusan eVOT memudahkan perancangan Anggaran Belanja Mengurus (ABM)



Rajah 7: Carta peratus bagi soalan 3

Pada setiap tahun, semua jabatan dan unit perlu menyediakan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) sebagai persediaan kewangan bagi tahun berikutnya. Dengan eVOT, ahli pengurusan tertinggi serta ketua-ketua unit dan jabatan boleh menjangkakan paten perbelanjaan dan mengganggu perbelanjaan pada tahun berikutnya. Selain itu, semakan semula perbelanjaan perlu dan tidak perlu boleh dilakukan. Di mana sebanyak 67% responden bersetuju bahawa sistem pengurusan eVot yang dibangunkan memudahkan mereka untuk merancang anggaran perbelanjaan mengurus (ABM) berdasarkan data yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Sistem pengurusan eVOT membantu dalam pengurusan perbelanjaan di jabatan dan unit




Rajah 8: Carta peratus bagi soalan 4

Rajah 8 menunjukkan 73% responden memberikan maklumbalas bahawa sistem eVot membantu dalam pengurusan perbelanjaan di jabatan dan unit khususnya. Selain di peringkat institusi, eVOT mampu membantu ketua-ketua jabatan dan unit dalam melancarkan pengurusan di peringkat jabatan dan unit dimana mereka boleh memantau perbelanjaan mengikut peruntukan

yang diberi oleh institusi. Disamping itu, jabatan dan unit boleh mengguna data tahun semasa bagi merancang perbelanjaan aktiviti bagi tahun berikutnya.


Sistem pengurusan eVOT bersifat telus. (Perbelanjaan setiap unit dapat dikawal mengikut peruntukan yang telah ditetapkan)



Rajah 9: Carta peratus bagi soalan 5

Rajah 9 menunjukkan 87% responden yang telah menggunakan sistem eVot bersetuju sistem eVot adalah bersifat telus. Di dalam sistem ini, kesemua ahli pengurusan tertinggi serta ketua-ketua jabatan dan unit diberi kebenaran untuk melihat peruntukan dan perbelanjaan jabatan serta unit secara terbuka. Maka, pengagihan adalah bersifat lebih adil dan telus berdasarkan justifikasi yang telah ditetapkan. Masalah yang berlaku sebelum ini, iaitu terdapat pihak lain yang menggunakan peruntukan dari jabatan/unit lain dapat dikurangkan. Ini kerana, sistem ini telah mengirakan jumlah baki peruntukan dan peratus perbelanjaan yang telah digunakan oleh sesebuah jabatan/unit.

Sistem pengurusan eVOT memudahkan dan membantu proses pengauditan. (KPI, ILKA, dan lain-lain)



Rajah 10: Carta peratus bagi soalan 6

Manakala Rajah 10 pula menunjukkan 73% responden memberi maklumbalas bahawa dengan penggunaan sistem pengurusan eVot memudahkan dan membantu semasa proses

pengauditan dilaksanakan. Ini adalah kerana sistem eVOT membantu melancarkan sebahagian daripada audit-audit yang dilakukan di institusi. Contohnya, sekiranya terdapat audit yang memerlukan jumlah aktiviti di institusi, jumlah kehadiran peserta, jumlah perbelanjaan dan sebagainya. Melalui maklumat di dalam eVOT beberapa maklumat dapat dikenalpasti melalui daftar aktiviti atau program yang dijalankan oleh setiap jabatan dan unit.

Dapat dilihat berdasarkan kajiselidik yang dilakukan kepada pengguna yang telah menggunakan sistem pengurusan eVot, kesemua responden memberikan maklumbalas yang baik disamping mencadangkan agar sistem ini dapat diteruskan dan dimajukan kepada satu platform yang lebih efisien.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Bagi menambahbaik sistem ini, beberapa cadangan penambahbaikan oleh responden telah diajukan. Bagi menjadikan sistem ini lebih efisien, responden mencadangkan agar ia dibangunkan dalam bentuk aplikasi web dan aplikasi mobile. Ini bagi memudahkan capaian kepada sistem, menjadikan rekabentuk antaramukanya lebih kemas dan teratur, serta memudahkan pengurusan sistem secara keseluruhannya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, secara keseluruhan sistem eVOT ini amat memudahkan dan perlu digunakan oleh pihak pengurusan dan unit kewangan PMJ dalam mengawal selia perbelanjaan wang vot mengikut nombor agihan vot sedia ada. Selain dapat mengawal perbelanjaan, ketua-ketua setiap jabatan dan unit juga dapat menganggarkan jumlah wang peruntukan yang ingin dipohon untuk tahun seterusnya dengan merujuk kepada sistem eVOT ini. Penggunaan sistem ini perlu diteruskan demi menjamin ketelusan penggunaan wang peruntukan vot PMJ.

DAFTAR PUSTAKA

- [1] Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2017). *Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7, Struktur Kod Perakaunan*. ANM(T) 81/10/6/10(36).
- [2] Perbendaharaan Malaysia. (2021). *Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Pindaan 2021*.
- [3] Lohman Brooks, R.S. (1995). *Statistics in the Behavioral Sciences Conceptual Introduction*. Pacific Grove: Cole Publishing Company, h. 11.
- [4] Bluman, A.G. (1997). *Elementary Statistics: A Step by Step Approach*. Third Edition, Boston: McGraw-Hill, h. 23-34.
- [5] Goodwill Community Foundation. (1998-2022). *Google Sheets*. Retrieved from <https://edu.gcfglobal.org/en/googlespreadsheets>.